

PENDIRIAN DAN PERMINTAAN TUJUH PERTUBUHAN CINA DALAM ISU PENDIDIKAN

Dikemukakan kepada
Perdana Menteri Malaysia
Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak

(1) PENDAHULUAN

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah mengumumkan pelaksanaan Program Transformasi Negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan setanding dengan negara maju lain. Untuk mencapai tujuan ini, pendidikan memainkan peranan yang sangat penting.

Sekolah-sekolah yang berlainan aliran bahasa pengantar telah lama wujud di negara kita. Pembangunan sekolah-sekolah ini sudah mencapai suatu tahap tertentu dan pembelajarannya terbuka kepada semua murid dalam masyarakat majmuk negara kita. Sekolah-sekolah ini memberi sumbangan besar kepada pembangunan modal insan dan kemajuan negara.

Kajian semula sistem pendidikan negara dan transformasi pendidikan yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran masih berasaskan kepada Penyata Razak 1965. Ini akan menyebabkan sekolah-sekolah aliran Cina dan Tamil menghadapi masalah yang lebih serius.

Kerajaan harus memandang berat dan menyelesaikan masalah-masalah itu. Pokoknya, kerajaan harus melaksanakan dasar pendidikan kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) iaitu dasar

pendidikan pelbagai aliran sekolah bagi memastikan kesinambungan dan pembangunan yang adil kepada setiap aliran sekolah. Ini membantu negara kita memperkembangkan kelebihan kepelbagaian aliran sekolah untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing di peringkat antarabangsa supaya negara kita menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Atas keprihatinan dan rasa cinta kepada negara, kami mengemukakan pandangan dan cadangan membina berkenaan isu-isu pendidikan yang penting kepada kerajaan. Kami berharap kerajaan mengambil berat akan pandangan dan cadangan kami dan melaksanakannya.

(2) PANDANGAN PENYELESAIAN MASALAH PENDIDIKAN

1. MEMINDA AKTA PENDIDIKAN DAN MELAKSANA DASAR PENDIDIKAN PELBAGAI ALIRAN SEKOLAH

Ordinan Pelajaran 1957 merupakan undang-undang yang digubal ketika rakyat berbilang bangsa kita bersama-sama menuntut kemerdekaan negara. Fasal 3 dalam Ordinan Pelajaran 1957 telah memperuntukkan bahawa dasar pendidikan negara kita ialah "*The educational policy of the Federation is to establish a national system of education acceptable*

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

to the people as a whole which will satisfy their needs and promote their cultural, social, economic and political development as a nation, with the intention of making the Malay language the national language of the country whilst preserving and sustaining the growth of the language and culture of people other than Malays living in the country."

Dasar pendidikan ini yang digubal pada masa menjelang kemerdekaan negara kita dapat lebih mencerminkan keadaan masyarakat berbilang bangsa dan dasar pendidikan kepelbagaian budaya (multiculturalism) yang menyokong pembangunan pendidikan bahasa ibunda dalam masyarakat berbilang bangsa negara kita.

Akan tetapi, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961 telah menukar dasar pendidikan kepelbagaian budaya (*multiculturalism / multilateral*) tersebut kepada dasar pendidikan yang unilateral atau sistem satu aliran sekolah. Laporan Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996 melaksana dasar pendidikan yang mahu mencapai sistem satu aliran sekolah.

Perkara 12 Penyata Razak 1956 menyatakan bahawa "*We believe further that the ultimate objective of the educational policy in this country must be to bring together the children of all races under a national educational system in which the national language is the main medium of instruction, though we recognise that progress towards this goal cannot be rushed and must be gradual.*"

Sehubungan itu, atas nama "perpaduan rakyat", pihak berkuasa cuba menukar sekolah-sekolah yang berlainan aliran kepada satu aliran sekolah untuk mencapai "objektif muktamad" tersebut.

Dalam masa lebih daripada 50 tahun ini, "objektif muktamad" menjadi ideologi utama pihak berkuasa dalam penggubalan akta, dasar dan sistem pendidikan serta langkah-langkah lain. Ini memberi kesan buruk terhadap kesinambungan dan pembangunan sekolah-sekolah aliran bahasa pengantar Cina, Tamil dan

sekolah-sekolah lain yang dipinggirkan dan tidak mendapat layanan adil, terutamanya masalah-masalah perguruan, peruntukan kewangan dan pembinaan sekolah masih tidak diselesaikan.

Kerajaan harus mengakui dan menerima hakikat kewujudan ciri-ciri kepelbagaian masyarakat di negara kita, iaitu negara kita ialah sebuah negara berbilang bangsa (*multinational state*) dan bukannya sebuah negara satu bangsa (*nation state*). Barulah ini dapat mencapai perpaduan tulen antara rakyat berbilang bangsa dan membantu kemajuan negara kita.

Pelaksanaan dasar negara bangsa iaitu "satu negara, satu bangsa, satu bahasa, satu budaya, satu aliran sekolah" hanya menimbulkan pelbagai masalah dan konflik sehingga menjejaskan perpaduan rakyat dan kemajuan negara.

Sehubungan itu, kami mencadangkan kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Meminda akta pendidikan dan memansuhkan dasar satu aliran sekolah dan peruntukan undang-undang yang tidak baik terhadap kesinambungan dan pembangunan setiap aliran sekolah. Pokoknya, kerajaan harus melaksana dasar pendidikan kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) iaitu dasar pendidikan pelbagai aliran sekolah untuk menjamin kesinambungan dan pembangunan semua aliran sekolah serta memberi kedudukan sama rata dan layanan adil kepada setiap aliran sekolah.
- (2) Penggubalan dan pindaan akta, dasar, sistem dan langkah-langkah pendidikan hendaklah dapat mencerminkan ciri-ciri masyarakat berbilang bangsa dan mengamalkan semangat kepelbagaian, keterbukaan, kedudukan sama rata dan hak asasi manusia supaya memberi layanan adil kepada semua aliran sekolah.

2. MENGGUBAL DAN MELAKSANAKAN SISTEM PEMBINAAN SEKOLAH BARU UNTUK SEMUA ALIRAN SEKOLAH DAN MEMBATALKAN

SYARAT-SYARAT YANG TIDAK ADIL DALAM ARAHAN MENGENAI PEMBINAAN SEKOLAH

Selama ini, kawasan yang padat dengan penduduk Cina dan kawasan pembangunan baru menghadapimasalahkekuranganatauketiadaansekolah rendah Cina. Sebab-sebabnya termasuk kerajaan tidak ada suatu system untuk mendirikan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, kesusahan mendapat kelulusan untuk menubuhkan sekolah baru, kekurangan tanah dan wang untuk pembinaan sekolah. Sebenarnya, kerajaan mempunyai satu sistem pembinaan sekolah baru bagi Sekolah Kebangsaan (SK) tetapi sistem itu tidak meliputi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Selain itu, Kementerian Pelajaran menetapkan syarat-syarat yang tidak munasabah, termasuk menetapkan bahawa tabung pembinaan SJKC hendaklah mencapai 80% daripada kos pembinaan barulah permohonannya dipertimbangkan. Ini menimbulkan banyak halangan yang amat menyusahkan pembinaan SJKC.

Sehubungan itu, kami mencadangkan kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Menggubal dan melaksanakan satu sistem pembinaan sekolah baru untuk semua aliran sekolah, seperti cara pembinaan sekolah kebangsaan baru sekarang. Peruntukan wang dan tanah hendaklah disediakan bagi pembinaan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan sekolah-sekolah lain yang mencukupi dan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia dan bajet tahunan.
- (2) Menetapkan dan mengagihkan tanah rizab sekolah kepada setiap aliran sekolah, dan mengadakan garis panduan dan piawaian untuk merancang dan membina setiap aliran sekolah berasaskan konsep sekolah komuniti, struktur penduduk dan keperluan pendidikan. Selain itu, kerajaan harus mengeluarkan arahan kepada jabatan-jabatan berkaitan untuk melaksanakan dasar perancangan dan pembinaan semua aliran

sekolah. (Sila rujuk Lampiran 3)

- (3) Membatalkan semua syarat-syarat yang tidak adil dalam pembinaan sekolah rendah Cina, Tamil dan sekolah-sekolah lain. Ini termasuk syarat-syarat yang dikandung dalam surat pekeliling dan garis panduan.
- (4) Mengagih tanah dan menanggung segala kos pembangunan yang diperlukan bagi pembinaan dan pemindahan sekolah-sekolah jenis kebangsaan, termasuk menyiapkan dengan segera pembinaan dan pemindahan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang telah diluluskan, dan juga dengan segera meluluskan pembinaan 45 buah SJKC baru bersama dengan jadual masa kemajuan pembinaan berkenaan (Sila rujuk Lampiran 4 dan Lampiran 5). Kerajaan harus secara proaktif menyelesaikan semua masalah berkenaan demi menjamin sekolah-sekolah tersebut dapat digunakan seawal-awalnya.

3. PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG ADIL DAN SISTEMATIK KEPADA SEMUA ALIRAN SEKOLAH

Peruntukan pembangunan yang diperolehi oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) selama ini adalah terlalu tidak mencukupi berbanding dengan perbelanjaan kerajaan yang diperuntukkan kepada sekolah-sekolah di negara kita. Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010), SJKC dan SJKT masing-masing hanya diberi 3.6% dan 1.34% daripada jumlah peruntukan pembangunan sekolah rendah (Sila rujuk Lampiran 6).

Selain itu, pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran telah mereka undang-undang sendiri dan mengadakan apa yang dipanggil “sekolah bantuan penuh” dan “sekolah bantuan modal”, iaitu suatu tindakan yang tidak sah di sisi undang-undang dan merampas peruntukan pembangunan yang patut dinikmati oleh SJKC dan SJKT. Juga, kebanyakan

活動 / 專題

事件 / 專題

文獻

圖表與數據

編後語

編委會名單



SJKC dan SJKT diketepikan daripada Sistem Bayaran Pukul kerajaan. Sebenarnya, Akta Pendidikan tidak membuat perbezaan sedemikian, dan tindakan yang menganaktirikan SJKC dan SJKT telah menjatuhkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.

Selama ini, SJKC bukan hanya menghadapi masalah kekurangan peruntukan pembangunan, bahkan juga menghadapi masalah kekurangan peruntukan pengurusan seperti bayaran bil air, elektrik, pembentungan dan sebagainya. Terdapat juga SJKC yang menerima surat amaran pembayaran bil atau pemotongan elektrik kerana tidak mampu membayar perbelanjaan tersebut. Ini menyebabkan pihak lembaga pengelola dan persatuan ibu bapa terpaksa membayar sendiri bayaran tertunggak tersebut.

Sebenarnya, di bawah Akta Pendidikan 1996, sekolah jenis kebangsaan Cina berhak mendapat sumbangan bantuan penuh dan juga sumbangan modal, iaitu semua peruntukan pengurusan termasuk bayaran bil air dan elektrik, dan peruntukan pembangunan untuk mengadakan bangunan, mengubah atau menambah premis yang sedia ada, mengadakan perabot atau kelengkapan atau lain-lain tujuan.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Memastikan setiap aliran sekolah dapat menikmati sumber pembangunan pendidikan negara secara adil dan saksama, dan menanggung semua perbelanjaan sekolah. Kerajaan harus menggubal dan melaksanakan suatu sistem yang seragam untuk mengagihkan peruntukan yang adil dan saksama kepada sekolah-sekolah semua aliran dan bertanggungjawab membekal semua *hardware* dan *software* sekolah dan membayar bil-bil air, elektrik dan sebagainya.
- (2) Memastikan semua sekolah jenis kebangsaan Cina dimasukkan ke dalam Sistem Bayaran Pukul kerajaan dan segala belanja mengurus seperti bayaran bil air, elektrik, telefon, pembentungan, internet dan sebagainya harus dibayar secara

langsung oleh kerajaan.

- (3) Membatalkan dengan serta merta klasifikasi sekolah iaitu “sekolah bantuan penuh” dan “sekolah bantuan modal” yang tidak sah di sisi undang-undang.
- (4) Mengumumkan secara terbuka maklumat terperinci mengenai projek dan peruntukan pembangunan sekolah semua aliran dalam Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015), dan juga maklumat berkenaan belanja mengurus, belanja pembangunan dan projek pembangunan yang sebenarnya diberi kepada sekolah-sekolah setiap aliran sekolah dalam tiap-tiap Rancangan Malaysia dan bajet tahunan yang lalu.

4. MENYELESAIKAN MASALAH KEKURANGAN GURU SJKC SECARA SISTEMATIK

Sejak tahun 1970-an, sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (C) telah mengalami masalah-masalah kekurangan guru terlatih dan berkelayakan untuk mengajar di sekolah-sekolah itu. Selama ini, masalah-masalah tersebut masih tidak diselesaikan. Kerajaan harus melaksana pelan sempurna untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut secara dasar dan bersistem.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Memulihkan sistem latihan perguruan yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama bagi latihan perguruan kumpulan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), dan menubuhkan bahagian latihan perguruan yang khusus untuk SJKC serta mewujudkan satu pelan latihan perguruan yang sempurna dengan menetapkan guru-guru pelatih mempunyai kepujian mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina, dan mengambil Bahasa Cina semasa dalam

tempoh latihan perguruan untuk melahirkan guru-guru yang memenuhi keperluan dan ciri-ciri SJKC yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dalam pengajaran, pembelajaran, peperiksaan dan pentadbiran sekolah. Selain itu, sistem dan pelan latihan perguruan yang diadakan harus berdasarkan keperluan SJKC bagi latihan perguruan setiap mata pelajaran, termasuk menambah pengambilan pensyarah latihan perguruan dan guru pelatih yang cukup, menyelesaikan masalah pengambilan guru pelatih dan perlantikan guru, menetapkan guru-guru pelatih Kumpulan SJKC hendaklah ditempatkan ke SJKC selepas lulus dan tamat latihan perguruan untuk memastikan SJKC mempunyai guru terlatih yang mencukupi supaya masalah kekurangan guru diselesaikan dalam jangka masa pendek.

- (2) Melatih guru dwibahasa yang menguasai bahasa Cina dan bahasa Malaysia, atau bahasa Cina dan bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris masing-masing di SJKC supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan untuk mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di kalangan murid.
- (3) Mengadakan program latihan kerja khas untuk guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina dan telah mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris di SJKC agar mereka memiliki kelayakan profesion mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- (4) Memberi layanan yang adil kepada guru-guru sementara termasuk pembayaran gaji yang cepat dan tidak dilambat-lambatkan di samping pengambilan guru-guru sementara untuk dijadikan guru terlatih yang berkelayakan melalui pelaksanaan pelbagai program latihan perguruan termasuk Kursus Dalam Cuti (KDC).
- (5) Menyediakan peruntukan yang mencukupi

sepanjang tahun untuk membolehkan SJKC mengambil guru sementara dan guru ganti dengan segera mengikut keperluan bagi mengisi jawatan kosong guru SJKC.

5. MENGADAKAN KELAS-KELAS PENDIDIKAN PRASEKOLAH DAN PENDIDIKAN KHAS YANG MENGGUNA BAHASA CINA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR DI SJKC

Beberapa tahun kebelakangan ini, Kementerian Pelajaran telah melancarkan pendidikan prasekolah di sekolah-sekolah rendah untuk memperluaskan peluang mendapat pendidikan di kalangan kanak-kanak. Mengikut statistik kementerian pada 31 Januari 2012, terdapat 5211 buah sekolah kebangsaan, 444 buah sekolah jenis kebangsaan Cina dan 159 buah sekolah jenis kebangsaan Tamil telah membuka kelas pendidikan prasekolah. Kini, 34.3% SJKC dan 30.4% SJKT telah mempunyai kelas pendidikan prasekolah, lebih jauh rendah daripada SK di mana 88.9% telah mempunyai kelas pendidikan prasekolah. (Sila rujuk Lampiran 7).

Selain itu, hanya sebilangan kecil SJKC yang membuka kelas pendidikan khas. Ini masih tidak dapat memenuhi keperluan.

Pada masa ini, kelas-kelas pendidikan prasekolah dan pendidikan khas yang diselenggarakan oleh Kementerian Pelajaran di sekolah jenis kebangsaan Cina sedang menghadapi pelbagai masalah, pokoknya termasuk bahasa pengantar, guru-guru dan pembantu yang tidak mempunyai kelayakan Bahasa Cina, dan makanan murid-murid.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Menkaji semula kelas pendidikan prasekolah dan kelas pendidikan khas yang diselenggarakan oleh Kementerian Pelajaran di sekolah jenis kebangsaan Cina, dan melaksanakan pembetulan yang sewajarnya, untuk menjamin bahawa kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran,

guru-guru, pembantu guru dan sebagainya menepati keperluan pembangunan dan ciri-ciri sekolah jenis kebangsaan Cina yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, serta membekalkan guru-guru dan pembantu guru yang mencukupi dan berkelayakan Bahasa Cina, bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai, dan membekalkan makanan yang mengikut tabiat makan dan minum murid-murid pelbagai bangsa.

- (2) Membuka lebih banyak kelas pendidikan prasekolah dan kelas pendidikan khas di sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil supaya kanak-kanak berpeluang menerima pendidikan dalam bahasa ibunda mereka.

6. MEMASTIKAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN MEMENUHI CIRI-CIRI DAN KEPERLUAN PEMBANGUNAN SETIAP ALIRAN SEKOLAH

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan melaksana beberapa program transformasi pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan daya saing negara. Akan tetapi, program-program tersebut dirangka mengikut keperluan Sekolah Kebangsaan dan mengabaikan keperluan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang mengguna bahasa pengantar yang berbeza. Oleh itu, beberapa program transformasi pendidikan berkenaan mendatangkan kesan negatif kepada SJKC, SJKT dan pembangunan pendidikan negara secara keseluruhannya.

Program-program transformasi pendidikan yang dilaksanakan pada masa ini termasuklah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Program Literasi dan Numerasi (LINUS), Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Memastikan program-program transformasi

pendidikan yang digubal dan dilaksanakan memenuhi ciri-ciri dan keperluan pembangunan setiap aliran sekolah. Program-program itu harus dirancang secara menyeluruh dan memastikan setiap aliran sekolah mendapat layanan yang adil.

- (2) Mengkaji semula dan membetulkan program-program transformasi pendidikan yang dilaksanakan pada masa sekarang dengan memastikan kurikulum, bahan pengajaran dan pembelajaran, bilangan waktu mata pelajaran dan perguruan juga memenuhi ciri-ciri dan keperluan pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.
- (3) Umur kemasukan persekolahan sekolah rendah harus dikekalkan pada umur 7 tahun dan tidak harus dipercepatkan pada umur 5 atau 6 tahun supaya tidak mendatangkan kesan negatif kepada kanak-kanak dan pembangunan pendidikan negara.
- (4) Mengambil langkah-langkah sesuai untuk mengurangkan beban kerja guru dalam urusan pentadbiran, menulis laporan, mengisi borang dan sebagainya supaya para guru dapat memberi perhatian penuh ke atas kerja-kerja pengajaran dan pembelajaran.
- (5) Langkah-langkah pendidikan yang dilaksanakan harus mengambil kira pembangunan pendidikan yang seimbang dan mengelakkan daripada terlalu mementingkan peperiksaan. Contohnya, pencapaian keseluruhan sekolah di pelbagai aspek seperti ko-kurikulum, budaya sekolah, pendidikan moral dan sebagainya harus diambil kira dalam pemilihan sekolah berprestasi tinggi dan bukan hanya mementingkan keputusan peperiksaan.

7. MENGIKTIRAF SIJIL PEPERIKSAAN BERSAMA (UEC) DENGAN SEPENUHNYA DAN MENYOKONG PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA

Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination*

Certificate, UEC) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina telah diterima oleh banyak institusi pengajian tinggi luar negara dan institusi pengajian tinggi swasta negara kita sebagai salah satu kelayakan bagi permohonan kemasukan ke peringkat pengajian tinggi.

Selama ini, Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan modal insan negara. Tamatan SMPC berkecimpung dalam pelbagai sektor dan ada juga yang menjadi menteri dan timbalan menteri dalam kabinet kerajaan. Kini, persaingan antara negara adalah persaingan modal insan. Tamatan SMPC yang mempunyai kemahiran asas tiga bahasa adalah golongan yang berpeluang cerah untuk berkhidmat di dalam dan luar negara.

Selain itu, Kementerian Pelajaran meluluskan penubuhan sekolah-sekolah swasta rendah dan menengah, sekolah-sekolah swasta rendah dan menengah agama, sekolah swasta pendidikan khas dan sekolah antarabangsa. Selain itu, Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020 juga menggalak masyarakat dan sektor swasta menyertai dan menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara. Oleh itu, Kementerian Pelajaran sepatutnya meluluskan juga penubuhan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang dikategorikan sebagai sekolah swasta oleh Kementerian Pelajaran.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

(1) Mengiktiraf sepenuhnya Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina dan menerima sijil tersebut sebagai salah satu kelayakan untuk permohonan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam, universiti pendidikan, institut pendidikan guru dan sektor perkhidmatan awam agar melahirkan dan mengekalkan modal insan negara tersebut supaya mereka dapat berkhidmat dalam negara.

Kerajaan harus mengambil tamatan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) untuk berkhidmat dalam sektor awam.

- (2) Memberi bantuan kewangan secara sistematik dan tanpa sebarang syarat kepada semua SMPC setiap tahun, termasuk pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang *UEC* dan pemberian bantuan kewangan kepada aktiviti-aktiviti pelajar dan sukan. Ini akan dapat mengurangkan beban ekonomi yang ditanggung oleh masyarakat Cina dan SMPC demi pembangunan pendidikan negara kita.
- (3) Meluluskan penubuhan SMPC yang baru dan memberi peruntukan wang dan tanah untuk penubuhan SMPC di kawasan yang mempunyai keperluan, termasuk di Kuantan, Segamat dan kawasan-kawasan di Selangor dan Kuala Lumpur.

8. LAYANAN ADIL KEPADA SEKOLAH MENENGAH CONFORMING DAN MENINGKATKAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA CINA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* yang dimaksudkan merujuk kepada sekolah-sekolah yang asalnya ialah Sekolah-sekolah Menengah Cina yang mana bahasa pengantar utamanya telah ditukar daripada bahasa Cina kepada bahasa Inggeris menjadi Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK). Seterusnya, bahasa pengantar utamanya ditukar lagi kepada bahasa Kebangsaan menjadi Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) sehingga sekarang.

Pada masa itu, kerajaan memberi pelbagai janji kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* tersebut tetapi masih tidak dilaksanakan hingga sekarang. Janji-janji tersebut termasuklah menanggung semua perbelanjaan sekolah, satu pertiga masa persekolahan diguna untuk mengajar Bahasa Cina, menyediakan guru yang mencukupi dan terlatih, menjamin kedudukan dan kuasa lembaga pengelola sekolah di sisi undang-undang.

Selain itu, kelas bahasa Cina merupakan saluran penting bagi pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan (SMK), terutamanya pelajar-pelajar keturunan Cina mempelajari bahasa Cina.

Sejak tahun 2000, Kementerian Pelajaran telah melantik jawatan Penolong Pengarah Bahasa Cina di setiap negeri untuk mengendalikan kelas bahasa Cina di SMK. Ini telah membawa kepada perkembangan kelas bahasa Cina di SMK. Namun demikian, kelas bahasa Cina masih tidak mendapat perhatian sepenuhnya daripada Kementerian Pelajaran, lebih-lebih lagi, penyelewengan yang berlaku telah menyebabkan kelas bahasa Cina SMK menghadapi pelbagai masalah.

Masalah-masalah tersebut meliputi masalah kekurangan guru bahasa Cina, kelas bahasa Cina tidak diadakan walaupun terdapat pelajar-pelajar yang ingin mempelajari bahasa Cina dan kelas bahasa Cina diadakan di luar jadual waktu persekolahan.

Sehubungan itu, kami mencadangkan kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Menunaikan janji-janji kerajaan dan memberi layanan adil kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* serta bertanggungjawab membangunkan sekolah-sekolah itu. Janji-janji kerajaan itu termasuklah menanggung semua perbelanjaan sekolah, satu pertiga masa persekolahan diguna untuk mengajar Bahasa Cina, menyediakan guru yang mencukupi dan terlatih, menjamin kedudukan dan kuasa lembaga pengelola sekolah di sisi undang-undang.
- (2) Meminda akta pendidikan untuk memulihkan jenis sekolah dan istilah "Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan" (SMJK), dan menjamin kedudukan, hak dan kepentingan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* di sisi undang-undang.
- (3) Pengetua dan guru penolong kanan yang dilantik ke Sekolah Menengah *Conforming* hendaklah berkelayakan Bahasa Cina. Perlantikan itu hendaklah mendapat persetujuan lembaga pengelola sekolah. Lembaga pengelola sekolah

juga berhak mencadangkan calon pengetua dan guru penolong kanan yang dipersetujui oleh lembaga pengelola untuk dilantik oleh Kementerian Pelajaran.

- (4) Menetapkan secara bertulis bahawa:
 - Bahasa Cina sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari dan diambil dalam peperiksaan awam oleh pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Menengah *Conforming*.
 - Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* hanya menerima tamatan pelajar daripada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sahaja.
- (5) Mengumumkan dan menambah projek dan peruntukan pembangunan lima tahun untuk Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (Tahun 2011-2015).
- (6) Menyediakan guru bahasa Cina terlatih yang mencukupi kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan, menetapkan kelas Bahasa Cina dan kelas Kesusasteraan Cina diatur dalam jadual waktu persekolahan dan mengadakan kelas-kelas itu untuk memenuhi keperluan pelajar.
- (7) Mengumumkan kaedah dan standard permarkahan mata pelajaran Bahasa Cina dalam SPM dan STPM, dan menerangkan masalah-masalah dan sebab-sebab berkenaan keputusan peperiksaan Bahasa Cina yang jauh lebih rendah. Seterusnya, mengambil langkah-langkah berkesan, termasuk dari segi kurikulum, pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

9. MENYOKONG PEMBANGUNAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI YANG DIUSAHAKAN OLEH MASYARAKAT DAN TIDAK BERORIENTASI KEUNTUNGAN

Pembangunan berterusan Kolej Selatan, Kolej New Era dan Kolej Han Chiang merupakan suatu aset

dan keistimewaan kepada negara kita. Institusi-institusi pendidikan ini telah memperkayakan ciri-ciri masyarakat berbilang bangsa negara kita, melahirkan modal insan dan membuat sumbangan besar kepada negara.

Selain itu, kami mengalu-alukan keputusan kerajaan meluluskan Kolej Selatan untuk dinaik taraf ke tahap kolej universiti.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Melaksana dasar terbuka untuk menyokong pembangunan institusi pengajian tinggi yang tidak berorientasi keuntungan (*nonprofit*) dan diusahakan oleh masyarakat, termasuk memberi bantuan kewangan kepada institusi-institusi tersebut setiap tahun dan meluluskan Kolej New Era dan Kolej Han Chiang untuk dinaik taraf ke tahap kolej universiti.

10. PENGAKTIRAFAN IJAZAH UNIVERSITI LUAR NEGARA DAN USAHA MENARIK MODAL INSAN KEMBALI BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Pada masa sekarang, persaingan antara negara untuk merebut modal insan berkualiti adalah begitu sengit sekali. Oleh itu, kerajaan harus melaksana dasar terbuka untuk mengiktiraf lebih banyak lagi ijazah universiti luar negara supaya membolehkan negara kita mencapai tahap negara maju.

Kami mengalu-alukan kerajaan mengiktiraf ijazah bagi 820 buah universiti dari negara China. Pengiktirafan itu telah diumumkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 1 Julai 2012. Ini akan dapat memperkukuhkan lagi hubungan Malaysia-China dan memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Mempercepatkan usaha untuk mengiktiraf sepenuhnya ijazah universiti dari China dan Taiwan. Selepas pengiktirafan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), maka Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) juga harus mengiktiraf ijazah tersebut sebagai kelayakan permohonan ke sektor perkhidmatan awam. Kerajaan harus menyelesaikan masalah-masalah berkaitan agar pengiktirafan itu boleh dijadikan kelayakan yang sah dalam bidang profesional dan bidang-bidang yang lain.

- (2) Mengiktiraf lebih banyak lagi ijazah universiti luar negara berdasarkan taraf akademik, terutamanya institusi pengajian tinggi yang mempunyai pelajar negara kita.
- (3) Mengadakan akta dan dasar yang terbuka dan mengambil tindakan berkesan untuk menarik modal insan atau tenaga kepakaran negara kita yang berada di luar negeri dan tenaga kepakaran negara asing untuk berkhidmat di dalam negara kita. Selain itu, kerajaan harus menjalin hubungan kerjasama dengan tenaga kepakaran negara kita yang berada di luar negeri supaya dapat membawa balik pelbagai sumber pembangunan ke dalam negara kita.

11. PEMBERIAN BIASISWA KERAJAAN DAN PENGAMBILAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM BERDASARKAN SISTEM MERIT

Selama ini, dasar-dasar dalam pemberian biasiswa kerajaan dan pengambilan pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menimbulkan pelbagai kontroversi dan rasa tidak puas hati. Ini menyebabkan kehilangan modal insan berkualiti ke negara lain. Masalah ini amat merugikan negara kita dan kerajaan sukar menarik mereka kembali berkhidmat dalam negara.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Melaksana sistem merit dalam pemberian pelbagai jenis biasiswa yang ditawarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Permohonan

biasiswa hendaklah dibuka kepada semua pelajar tanpa mengira warna kulit. Kerajaan harus mengumumkan kelayakan permohonan, kriteria pemilihan dan maklumat perangkaan untuk memastikan mekanisme dan proses pelaksanaan yang telus, adil dan bertanggungjawab. Selain itu, kerajaan juga harus memantau dan menambah baik mekanisme dan proses penawaran dan pengagihan biasiswa tersebut.

- (2) Melaksana sistem merit yang berasaskan pencapaian akademik sebagai pertimbangan utama dalam pengambilan pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi awam dan bukannya berasaskan pertimbangan politik kaum dan agama. Selain itu, kerajaan juga harus menetapkan kriteria-kriteria pengambilan pelajar berasaskan keadaan sosioekonomi, keluarga tunggal, wilayah dan kecacatan kesihatan untuk membantu golongan lemah tersebut.

12. PELAKSANAAN SISTEM MERIT DALAM PENGAMBILAN DAN KENAIKAN PANGKAT AHLI-AHLI AKADEMIK

Pengambilan dan kenaikan pangkat bagi ahli-ahli akademik di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) hendaklah berasaskan kepada sistem merit dan kelayakan akademik. Penggunaan sistem kuota akan menjejaskan peluang golongan muda mendapat pendidikan berkualiti daripada pensyarah-pensyarah yang cemerlang, malah mendatangkan kesan negatif terhadap kualiti pendidikan dan daya saing negara.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Melaksana sistem merit sebagai asas utama dalam pengambilan dan kenaikan pangkat ahli-ahli akademik di IPTA.
- (2) Mengadakan kriteria-kriteria yang jelas untuk menilai prestasi seseorang ahli akademik IPTA. Kriteria-kriteria ini dijadikan asas bagi menamatkan perkhidmatan atau menaikkan pangkat seseorang ahli akademik.

- (3) Pemilihan dan perlantikan orang-orang yang berkebolehan cemerlang ke jawatan naib canselor, timbalan naib canselor dan dekan pusat pengajian di IPTA hendaklah dilaksanakan tanpa mengira warna kulit dan kewarganegaraan.

13. PENGAMBILAN PELAJAR SECARA TERBUKA KE PROGRAM MATRIKULASI IPTA

Program matrikulasi merupakan salah satu saluran kepada tamatan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi awam tempatan.

Modal insan berkualiti merupakan aset penting kepada negara dalam menghadapi cabaran besar dan persaingan sengit di era globalisasi. Sehubungan itu, program matrikulasi di institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) harus dibuka sepenuhnya kepada semua pelajar negara kita supaya melaksanakan dasar kerajaan untuk memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada setiap rakyat agar modal insan negara kita tidak mengalir ke luar negara.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

- (1) Memastikan pengambilan pelajar ke program matrikulasi IPTA adalah berasaskan sistem merit dan dibuka sepenuhnya kepada semua pelajar supaya memberi peluang sama rata kepada semua pelajar demi melahirkan modal insan berkualiti dan memastikan modal insan tidak mengalir ke luar negara untuk meningkatkan daya saing negara dan memajukan pembangunan negara.
- (2) Mengadakan standard yang seragam bagi semua saluran yang berbeza dalam permohonan dan pengambilan pelajar ke IPTA agar memberi peluang sama rata kepada semua pelajar.

14. PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL

Pada masa sekarang, kerajaan berusaha membangunkan pendidikan teknikal dan vokasional

sebagai suatu pendidikan arus perdana di bawah program transformasi pendidikan. Sasarannya adalah untuk memastikan 20% daripada jumlah pelajar negara kita mempelajari bidang teknikal dan vokasional menjelang tahun 2020 berbanding hanya 10% sahaja pada masa sekarang.

Mengikut statistik Kementerian Pelajaran bagi tahun 2007-2011, negara kita mempunyai 10 buah sekolah menengah teknikal dan 78 buah sekolah menengah vokasional yang diurus oleh Kementerian Pelajaran. Sebanyak 97.18% daripada jumlah pelajar sekolah-sekolah teknikal dan vokasional tersebut adalah pelajar bumiputra, manakala pelajar keturunan Cina hanya 0.83%, pelajar keturunan India 0.83% dan 1.16% adalah pelajar keturunan lain.

Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Asas Tani dan Industri, dan kementerian Kesihatan juga menjalankan beberapa program pendidikan teknikal dan vokasional. Program-program tersebut hanya mempunyai sebilangan kecil sahaja pelajar keturunan Cina, India dan keturunan lain.

Ini menunjukkan sistem pendidikan teknikal dan vokasional awam menghadapi masalah ketidakseimbangan dalam pengambilan pelajar berbilang bangsa.

Dalam usaha membangunkan pendidikan teknikal dan vokasional sebagai suatu pendidikan arus perdana, kerajaan harus mempertingkatkan daya tarikan pendidikan teknikal dan vokasional, dan menggalak lebih banyak lagi pelajar keturunan Cina, India dan keturunan lain menyertai bidang tersebut. Ini kerana negara kita perlu melahirkan lebih banyak modal insan yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing untuk memajukan pembangunan negara.

Sehubungan itu, kami mencadang kerajaan mengambil langkah-langkah berikut dengan segera:

(1) Menyediakan kurikulum pendidikan teknikal dan vokasional yang menggunakan pelbagai jenis bahasa termasuk bahasa Cina dan bahasa Tamil

sebagai bahasa pengantar. Selain itu, penyediaan persekitaran kampus yang menjaga cara hidup dan budaya masyarakat berbilang bangsa adalah penting untuk menarik pelajar-pelajar keturunan Cina, India dan keturunan lain melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional yang ditubuhkan oleh kerajaan.

- (2) Program transformasi pendidikan harus meliputi pembangunan pendidikan teknikal dan vokasional daripada peringkat sekolah menengah hingga ke peringkat universiti di samping mengadakan kurikulum pendidikan teknikal dan vokasional yang memenuhi keperluan pasaran. Ini akan dapat melahirkan lebih banyak tenaga mahir berkualiti dan mempertingkatkan *value chain* industri untuk memajukan pembangunan ekonomi negara.
- (3) Program pendidikan teknikal dan vokasional yang dijalankan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan pada masa sekarang haruslah diperkembangkan ke Sekolah-sekolah Menengah *Conforming*.
- (4) Membangunkan pendidikan teknikal dan vokasional yang menyokong pembangunan industri bahan-bahan mentah negara kita agar dapat mempertingkatkan kuantiti, kualiti dan teknologi keluaran industri tersebut.
- (5) Membangunkan standard perindustrian mengikut tahap kelayakan pendidikan teknikal dan vokasional yang berbeza supaya melahirkan tenaga mahir yang berdaya saing di peringkat dunia dan serantau.

(3) MEMULIHKAN KEWARGANEGARAAN MENDIANG ENCIK LIM LIAN GEOK

Mendiang Encik Lim Lian Geok adalah bekas pengerusi Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) pada tahun 1960-an dan berusaha gigih untuk mempertahankan kesinambungan dan pembangunan pendidikan bahasa Cina.

Pada tahun 1964, kerajaan telah melucutkan



kewarganegaraan Encik Lim Lian Geok manakala sijil pendaftaran beliau sebagai seorang guru juga dilucutkan pada tahun 1961. Sungguhpun begitu, beliau tetap tinggal di negara ini dan meninggal dunia pada 18 Disember 1985. Beliau telah membuktikan taat setia, cinta dan sumbangannya kepada negara ini. Walaupun sekian lama Encik Lim Lian Geok telah meninggal dunia, masyarakat Cina tetap mengharapkan kewarganegaraan beliau dipulihkan.

Oleh itu, kami menggesa kerajaan memandang berat keinginan masyarakat Cina dan memulihkan kewarganegaraan mendiang Encik Lim Lian Geok.

(4) PENUTUP

Negara kita adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, budaya, bahasa, aliran sekolah dan agama. Perlembagaan negara menghormati pengekalan dan pembangunan bahasa, budaya dan agama yang berbagai-bagai. Kewujudan tamadun Islam, China, India, Barat dan sekolah-sekolah pelbagai aliran bahasa pengantar telah memperkayakan ciri-ciri masyarakat berbilang bangsa di negara kita. Sifat-sifat kebelbagaian ini merupakan aset dan kelebihan negara, dan sememangnya dapat membantu negara kita memperkukuhkan daya saing di peringkat antarabangsa.

Selain itu, mesyuarat Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 1951 telah memutuskan bahawa: "Penggunaan bahasa ibunda harus dilanjutkan ke suatu tahap pendidikan setinggi yang mungkin. Khususnya, murid-murid harus memulakan persekolahan mereka dengan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar." Selain itu, Perkara 26(3) yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sedunia 1948 juga menyatakan bahawa: "Para ibu bapa mempunyai hak keutamaan untuk memilih jenis pendidikan yang ingin diberikan kepada anak-anak mereka." Oleh itu, pendidikan bahasa ibunda harus dibangunkan sehingga peringkat tinggi memandangkan ia merupakan pendidikan yang membawa kesan yang sangat baik manakala

pengajaran dan pembelajarannya adalah begitu terus dan lebih mudah kepada para pelajar.

Transformasi pendidikan yang dijalankan oleh kerajaan harus melaksanakan dasar pendidikan kepelbagaian budaya (*multiculturalism*) iaitu dasar pendidikan pelbagai aliran sekolah dan memberi layanan adil kepada setiap aliran sekolah. Ia juga harus memperkukuhkan profesion pendidikan supaya seiring dengan perkembangan pendidikan di peringkat dunia. Ini akan memperkembangkan kelebihan semua aliran sekolah dan seterusnya memajukan pendidikan negara keseluruhannya. Selain itu, ia akan dapat melahirkan modal insan yang mempunyai latarbelakang bahasa dan budaya masyarakat berbilang bangsa untuk memperkukuhkan daya saing negara dan memberi manfaat kepada semua rakyat berbilang bangsa.

Kami dengan tulus ikhlasnya mengemukakan pandangan dan cadangan membina kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Besarlah harapan kami agar sudilah kiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempertimbangkan padangan dan cadangan tersebut supaya langkah-langkah yang positif dan berkesan dapat dilaksanakan untuk memastikan semua aliran sekolah mendapat layanan yang adil dan pembangunan yang baik.

Pertubuhan-pertubuhan yang menandatangani Pendirian dan permintaan tujuh pertubuhan cina dalam isu pendidikan

1. Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia
2. Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia
3. Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia
4. Malaysian Seven Major Clans Association
5. Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia
6. Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia
7. Nanyang University Alumni Association of Malaya

PENDIRIAN DAN PERMINTAAN TUJUH PERTUBUHAN CINA DALAM ISU PENDIDIKAN

Salinan dokumen kepada:

1. YAB. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pelajaran Malaysia.
2. YBhg. Tan Sri Dato' Wan Mohd. Zahid Wan Mohd. Nordin, Pengerusi Panel Dialog Nasional Pendidikan Negara.
3. Parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).
4. Parti Persatuan Cina Malaysia (MCA).
5. Parti Kongres India Malaysia (MIC).
6. Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM).
7. Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP).
8. Parti Keadilan Rakyat (PKR).
9. Parti Tindakan Demokratik (DAP).
10. Parti Islam SeMalaysia (PAS).
11. Sarawak United People's Party (SUPP).
12. Parti Liberal Demokratik (LDP).
13. Parti Maju Sabah (SAPP).

LAMPIRAN

Lampiran 1: Bilangan sekolah dan murid setiap aliran sekolah rendah pada tahun 1970-2011

Tahun	SK		SJKC		SJKT	
	Bil. Sekolah	Bil. Murid	Bil. Sekolah	Bil. Murid	Bil. Sekolah	Bil. Murid
1970	4,277	1,046,513	1,346	439,681	657	79,278
1980	4,519	1,353,319	1,312	581,696	583	73,958
1990	4,994	1,770,004	1,290	581,082	544	96,120
1999	5,313	2,195,029	1,284	609,673	527	91,085
2000	5,379	2,216,641	1,284	622,820	526	90,280
2001	5,466	2,209,736	1,285	616,402	526	88,810
2002	5,564	2,246,492	1,285	632,180	527	90,502
2003	5,655	2,265,485	1,287	636,783	528	92,699
2004	5,713	2,300,093	1,288	647,647	528	95,374
2005	5,756	2,304,378	1,287	642,914	525	97,104
2006	5,774	2,298,808	1,288	636,124	523	100,142
2007	5,781	2,286,328	1,289	643,679	523	103,284
2008	5,785	2,401,335	1,290	639,086	523	108,279
2009	5,795	2,368,562	1,292	627,699	523	109,086
2010	5,826	2,180,564	1,291	604,604	523	104,962
2011	5,848	2,150,139	1,291	598,488	523	102,642
2012	5,859	2,276,535	1,294	602,578	523	102,336
1970-2012	+ 1,582	+ 1,230,022	- 52	+ 162,897	- 134	+ 23,058

活动 / 专题

事件 / 专题

文獻

图表与数据

编后语

编委会名单

Sumber: Laporan statistik Kementerian Pelajaran.

Catatan: Bilangan sekolah Sekolah Kebangsaan (SK) pada tahun 1970 meliputi sekolah rendah Inggeris yang ditukar menjadi SK mulai tahun tersebut. Pada tahun 1968, negara kita mempunyai 1435 buah sekolah rendah Inggeris bantuan kerajaan. Berdasarkan ini, dianggarkan SK telah bertambah melebihi 3000 buah dari tahun 1970 hingga awal tahun 2012.

Lampiran 2: Perubahan bilangan sekolah bagi setiap aliran sekolah rendah dalam Rancangan Malaysia Ke-4 hingga Ke-9 (Tahun 1981-2010)

Rancangan Malaysia (Tahun)	Sekolah Kebangsaan	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)
	Bil. Sekolah	Bil. Sekolah	Bil. Sekolah
1981	4,549	1,307	579
1986	4,809	1,290	553
1991	5,001	1,289	543
1996	5,206	1,285	531
2001	5,466	1,285	526
2006	5,774	1,288	523
2011	5,848	1,291	523
RMK-4 (1981-1985)	+ 260	- 17	- 26
RMK-5 (1986-1990)	+ 192	- 01	- 10
RMK-6 (1991-1995)	+ 205	- 04	- 12
RMK-7 (1996-2000)	+ 260	0	- 05
RMK-8 (2001-2005)	+ 308	+ 03	- 03
RMK-9 (2006-2010) (hingga Jan 2011)	+ 74	+ 03	0
Jumlah (1981-2010)	+ 1,299	- 16	- 56

Sumber: Diolah oleh Dong Jiao Zong berdasarkan laporan statistik Kementerian Pelajaran.

Catatan: Statistik di atas merujuk kepada perubahan bilangan sekolah, ini termasuk jumlah bilangan sekolah baru yang dibuka dan sekolah sedia ada yang ditutup. Ia tidak termasuk pembinaan sekolah baru yang diluluskan tetapi masih dalam pembinaan dan sekolah baru yang belum dibina.

Lampiran 3: Garis panduan perancangan sekolah yang ditetapkan oleh kerajaan


Piawaian perancangan sekolah rendah

Sekolah Rendah	Piawaian Penduduk	Bilangan Murid	Bil Murid Per Kelas	Keluasan Sekolah	Kawasan Tadahan
12 bilik darjah	3,000	420	Maksimum 35 orang per kelas	5-10 ekar (2-4 hektar)	0.4-0.8 km (1/4-1/2 batu) 10 minit masa perjalanan
24 bilik darjah	6,000	840			
30 bilik darjah	7,500	1,050			

Sumber:

- (1) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. *Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat. Cetakan Pertama. 1997.*
- (2) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. *Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kemudahan Masyarakat. Edisi Kedua. 1999.*

Perancangan sekolah komuniti




- ▲ T Tadika
- SR Sekolah Rendah
- ★ SM Sekolah Menengah

Catatan:

1. 3 unit perumahan (2500 orang penduduk setiap unit kejranaan) membentuk satu unit kejranaan (7500 orang). 3 unit kejranaan pula membentuk satu unit komuniti (22500 orang). 1 unit komuniti memerlukan 3 buah sekolah rendah.

Mengikut garis panduan perancangan sekolah yang ditetapkan oleh kerajaan, sebuah sekolah rendah dengan tanah seluas 5 hingga 10 ekar hendaklah disediakan bagi setiap 3000 hingga 7500 orang penduduk (600 hingga 1500 unit rumah) atau 420 hingga 1050 orang murid dalam sesuatu kawasan kejranaan. Jarak di antara rumah kediaman dan sekolah rendah adalah sedekat 0.4 hingga 0.8 kilometer dan mengambil masa 10 minit untuk sampai ke sekolah. Selain itu, kepadatan maksimum adalah sebanyak 210 orang murid bagi setiap ekar tanah dan 35 orang murid bagi setiap kelas.

Jarak dan masa perjalanan di antara rumah kediaman dan sekolah



Sekolah Kebangsaan Seksyen 6, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Catatan: Pada tahun 2004, Sekolah Kebangsaan Seksyen 6 Kota Damansara mempunyai 1012 orang murid. Ia memenuhi konsep sekolah komuniti. Murid-murid bersekolah berdekatan dengan rumah kediaman.

Jelasnya, kerajaan mempunyai satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah untuk menubuhkan beberapa sekolah dalam sesuatu kawasan komuniti dan menyediakan persekitaran yang baik untuk murid-murid bersekolah berdekatan dengan rumah kediaman dan memudahkan perjalanan ko-kurikulum. Akan tetapi, dalam pelaksanaannya kerajaan mengutamakan pembinaan Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, dan tidak menyediakan tanah dan peruntukan pembangunan untuk membina SJKC dan SJKT baru secara sistematik.

Kerajaan harus memberi peruntukan wang dan tanah untuk membina sekolah rendah Cina dan Tamil secara sistematik, sama seperti cara pembinaan sekolah kebangsaan yang baru. Ia harus dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia, bajet tahunan, pelan dan projek pembangunan pendidikan Kementerian Pelajaran.

Kerajaan harus menetapkan dan mengagihkan tanah rizab sekolah kepada semua aliran sekolah untuk pembinaan sekolah, termasuk merancang dan membina sekolah setiap aliran mengikut konsep sekolah komuniti, struktur penduduk dan keperluan pendidikan di samping mengadakan piawaian perancangan dan pembinaan pelbagai aliran sekolah.

Mengikut konsep sekolah komuniti, tanah rizab sekolah boleh diagihkan kepada semua aliran sekolah, contohnya Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil masing-masing boleh membina sebuah sekolah baru. Pengagihan tanah rizab sekolah adalah berdasarkan struktur penduduk dan keperluan penduduk terhadap setiap aliran sekolah.

Lampiran 4: Kawasan yang perlu dibina SJKC baru (Belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Pelajaran)

Negeri	Kawasan Pembinaan SJKC Baru	Bilangan Sekolah Baru
Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	• Jinjang	1
	• Taman Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh	1
	• Kota Damansara	1
	• Damansara Damai	1
	• Cahaya SPK, Subang	1
	• Bandar Setia Alam	1
	• Ara Damansara	1
	• Bukit Jalil (rujuk catatan 1)	1
	• Puchong (4 buah SJKC baru) (rujuk catatan 2)	4
	• Bandar Kinrara (1 buah SJKC baru)	
	• Taman Tasik Prima (1 buah SJKC baru)	
	• Lain-lain kawasan di Puchong (2 buah SJKC baru)	
	• USJ-Subang Jaya-Putra Heights (rujuk catatan 3)	1
	• Bandar Mahkota Cheras	1
• Cheras	2	
Negeri Johor	Kawasan Timur-laut Johor Bahru:	3
	• Taman Daya-Taman Mount Austin	
	• Taman Seri Austin-Taman Adda Heights-Taman Setia Indah	
	• Bandar Baru Permas Jaya	
	Kawasan Barat-laut Johor Bahru:	3
	• Taman Bukit Indah	
	• Kawasan sekitar Taman Sutera Utama (rujuk catatan 4)	
	• Taman Universiti	
	Kawasan Kulaijaya:	2
• Bandar Putra Kulai		
• Taman Sri Putri Kulai		

活动 / 专题

事件 / 专题

文獻

图表与数据

编后语

编委会名单

Negeri Pulau Pinang	Pulau Pinang: <ul style="list-style-type: none"> • Bandar Baru Air Itam/Perumahan Farlim • Paya Terubong • Sungai Nibong • Relau (rujuk catatan 5) • Sungai Ara 	5
	Seberang Perai: <ul style="list-style-type: none"> • Sungai Dua • Seberang Jaya • Taman Chai Leng • Bertam • Alma • Bukit Mertajam • Nibong Tebal • Tasek 	8
Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> • Bercham, Ipoh 	1
Negeri Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Kota Kinabalu (rujuk catatan 6) 	1
Negeri Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kuching • Tanjung Kidurong, Bintulu • Sekitar Jalan Sibiew, Bintulu • Senadin, Miri • Taman Tunku, Miri • Kamayang, Sibiu 	6
Jumlah		45

Sumber: Dong Jiao Zong.

Catatan:

1. SJK(C) Lai Meng dijangka akan berpindah dari Kuala Lumpur ke Bukit Jalil, Selangor pada tahun 2015.
2. SJK(C) Kheng Chee akan berpindah dari Karak, Negeri Pahang ke Puchong, Negeri Selangor.
3. SJK(C) Tun Tan Siew Sin di Putra Heights, Negeri Selangor sedang dalam pembinaan. Namun, kawasn USJ–Subang Jaya–Putra Heights masih memerlukan sebuah SJKC baru.
4. Sekolah baru SJK(C) Pei Hwa 2 yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 2008 dijangka akan dibina di Taman Perling/Taman Sutera Utama, Johor Bahru, Negeri Johor
5. Pada Jun 2012, kerajaan negeri Pulau Pinang meluluskan pemberian tanah seluas 3.5 ekar kepada SJK(C) Aik Hua, Georgetown. Sekolah ini masih beleum mendapat kelulusan perpindahan ke Relau daripada Kementerian Pelajaran.
6. SJK(C) Che Hwa di Beaufort akan berpindah ke Kota Kinabalu, Negeri Sabah. Sekolah ini masih dalam pembinaan.
7. Pada Mei 2012, SJK(C) Kai Ming di Maradong mendapat kelulusan Kementerian Pelajaran untuk berpindah ke Bintulu, Negeri Sarawak. Pembinaan sekolah dijangka siap pada tahun 2014.
8. Pada Disember 2008, SJK(C) Chiaw Nan di Marudi mendapat kelulusan Kementerian Pelajaran untuk berpindah ke Miri, Negeri Sarawak. Sekolah masih belum dibina.

Lampiran 5: Senarai SJKC yang diluluskan untuk pembinaan sekolah baru atau perpindahan sekolah tetapi masih belum siap dibina dan digunakan

Bil	Nama Sekolah	Tahun Kelulusan	Catatan
1.	SJK(C) Chung Ching (Cawangan), Kuantan, Pahang	1999	Pembinaan Sekolah Cawangan
2.	SJK(C) Tun Tan Siew Sin, Putra Heights, Selangor	2006	Pembinaan Sekolah Baru
3.	SJK(C) Pei Hwa 2, Johor Bahru, Johor	2008	Pembinaan Sekolah Baru
4.	SJK(C) Sungai Long, Bandar Sungai Long, Selangor	2008	Pembinaan Sekolah Baru
5.	SJK(C) Kajang, Kajang, Selangor	2008	Pembinaan Sekolah Baru
6.	SJK(C) Bukit Serdang, Serdang, Selangor	2008	Pembinaan Sekolah Baru
7.	SJK(C) Wangsa Maju, Wangsa Maju, Kuala Lumpur	2008	Pembinaan Sekolah Baru
8.	SJK(C) Central Site, Segamat, Johor	2004	Pembinaan Sekolah Baru
9.	SJK(C) Union, Ulu Sepetang, Taiping, Perak	2004	Pembinaan Sekolah Baru
10.	SJK(C) Poi Min, Gopeng, Perak	2004	Perpindahan Sekolah (Berhenti operasi mulai tahun 2003)
11.	SJK(C) Che Hwa, Beaufort, Sabah	2004	Perpindahan Sekolah
12.	SJK(C) Poi Lam, Ipoh, Perak	2006	Perpindahan Sekolah
13.	SJK(C) Eng Ling, Lumut, Perak	2007	Perpindahan Sekolah
14.	SJK(C) Ladang Bradwall, Negeri Sembilan	2007	Perpindahan Sekolah
15.	SJK(C) Rasa, Rasa, Selangor	2007	Perpindahan Sekolah
16.	SJK(C) Lih Jen, Pokok Mangga, Melaka	2008	Perpindahan Sekolah
17.	SJK(C) Kiow Min, Rumbia, Melaka	2008	Perpindahan Sekolah
18.	SJK(C) Choon Hwa, Batu 18, Hulu Langat, Selangor	2008	Perpindahan Sekolah

活动 / 专题

事件 / 专题

文献

图表与数据

编后语

编委会名单

19.	SJK(C) Kheng Chee, Karak, Pahang	2008	Perpindahan Sekolah
20.	SJK(C) Chiaw Nan, Marudi, Sarawak	2008	Perpindahan Sekolah
21.	SJK(C) Lai Meng, Jalan Ampang, Kuala Lumpur	2010	Perpindahan Sekolah
22.	SJK(C) Kai Ming, Maradong, Sarawak	2012	Perpindahan Sekolah

Sumber: Dong Jiao Zong.

Lampiran 6: Peruntukan pembangunan yang diumumkan bagi setiap aliran sekolah rendah di bawah Rancangan Malaysia Ke-6 hingga Ke-10 dalam tempoh tahun 1991-2015

Rancangan Malaysia	Perkara	SK	SJKC	SJKT	Jumlah
RMK-6 (1991-1995)	Peruntukan (RM)	1,133,076,000 (89.72%)	102,726,000 (8.14%)	27,042,000 (2.14%)	1,262,844,000 (100%)
	Bil. Murid (1991)	1,845,400 (72.98%)	583,218 (23.07%)	99,876 (3.95%)	2,528,494 (100%)
RMK-7 (1996-2000)	Peruntukan (RM)	1,027,167,000 (96.54%)	25,970,000 (2.44%)	10,902,000 (1.02%)	1,064,039,000 (100%)
	Bil. Murid (1996)	2,128,227 (75.30%)	595,451 (21.07%)	102,679 (3.63%)	2,826,357 (100%)
RMK-8 (2001-2005)	Peruntukan (RM)	4,708,800,000 (96.10%)	133,600,000 (2.73%)	57,600,000 (1.17%)	4,900,000,000 (100%)
	Bil. Murid (2001)	2,236,428 (76.04%)	615,688 (20.93%)	89,040 (3.03%)	2,914,156 (100%)
RMK-9 (2006-2010)	Peruntukan (RM)	4,598,120,000 (95.06%)	174,340,000 (3.60%)	64,840,000 (1.34%)	4,837,300,000 (100%)
	Bil. Murid (2006)	2,298,808 (75.74%)	636,124 (20.96%)	100,142 (3.30%)	3,035,074 (100%)
RMK-10 (2011-2015)	Peruntukan (RM)	Tidak diumumkan	Tidak diumumkan	Tidak diumumkan	Tidak diumumkan
	Bil. Murid (2011)	2,150,139 (75.41%)	598,488 (20.99%)	102,642 (3.60%)	2,851,269 (100%)

Sumber: Diolah oleh Dong Jiao Zong berasaskan soal-jawab di parlimen, laporan statistik pendidikan Kementerian Pelajaran, buku Rancangan Malaysia dan laporan akhbar.

Catatan:

1. Dalam mesyuarat agung tahunan ke-57 MCA yang diadakan pada 10 Oktober 2010, Presiden MCA Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek mengumumkan bahawa peruntukan pembangunan SJKC di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010) adalah berjumlah RM325 juta.

2. Kerajaan telah menambah peruntukan pembangunan kepada SJKC melalui dua pakej rangsangan ekonomi dan kaedah lain. Ini menjadikan peruntukan pembangunan SJKC di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 bertambah, iaitu daripada peruntukan awal RM174.34 juta bertambah kepada RM325 juta. Ini termasuk:
- Dalam pakej rangsangan ekonomi pertama yang diumumkan pada November 2008, pihak kerajaan mengagihkan RM200 juta kepada SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama, iaitu setiap jenis sekolah itu memperolehi RM50 juta bagi tujuan penyelenggaraan sekolah.
 - Dalam pakej rangsangan ekonomi kedua yang diumumkan pada Mac 2009, kerajaan mengagihkan RM300 juta kepada SJKC, SJKT, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama bagi tujuan menambah baik kemudahan sekolah. Antara lainnya termasuk pengagihan RM95 juta untuk pembinaan 7 buah SJKC baru dan 13 buah SJKC yang berpindah.

Lampiran 7: Statistik pendidikan prasekolah mengikut aliran sekolah rendah (Statistik sehingga 31 Januari 2012)

Jenis Aliran Sekolah	Bilangan Sekolah	Bilangan Sekolah Yang Mengadakan Pendidikan Prasekolah	Peratusan Sekolah Yang Mengadakan Pendidikan Prasekolah	Bilangan Murid Pendidikan Prasekolah
SK	5,859	5,211	88.94	169,932
SJKC	1,294	444	34.31	11,457
SJKT	523	159	30.40	4,452

Sumber: Laporan statistik Kementerian Pelajaran.

Lampiran 8: Senarai 82 buah universiti yang mempunyai tamatan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia daripada 200 buah universiti terbaik di seluruh dunia pada tahun 2010 yang diumumkan oleh TIMES.

- | | |
|---|-----------------------------------|
| 1. Yale University, USA | 15. University of Edinburgh, UK |
| 2. California Institute of Technology, USA | 16. University of Manchester, UK |
| 3. Cornell University, USA | 17. University of Bristol, UK |
| 4. University of Michigan, USA | 18. University of Warwick, UK |
| 5. University of Wisconsin-Madison, USA | 19. University of Glasgow, UK |
| 6. Washington University In St.Louis, USA | 20. University of Birmingham, UK |
| 7. University of Minnesota, USA | 21. University of Sheffield, UK |
| 8. Purdue University, USA | 22. University of York, UK |
| 9. Ohio State University, USA | 23. University of Nottingham, UK |
| 10. Texas A&M University, USA | 24. University of Southampton, UK |
| 11. University of Arizona, USA | 25. University of Leeds, UK |
| 12. The State University of New Jersey – New Brunswick, USA | 26. University of Sussex, UK |
| 13. Indiana University Bloomington, USA | 27. Cardiff University, UK |
| 14. University College London, UK | 28. University of Liverpool, UK |
| | 29. University of Aberdeen, UK |

30. Newcastle University, UK
31. University of Lancaster, UK
32. University of Leicester, UK
33. University of Reading, UK
34. Ecole Normale Supérieure, Paris, France
35. Ecole Polytechnique, France
36. Ecole Normale Supérieure de Lyon, France
37. University Pierre and Marie Curie, France
38. University of British Columbia, Canada
39. University of Toronto, Canada
40. University of Alberta, Canada
41. McMaster University, Canada
42. The University of Western Ontario, Canada
43. Simon Fraser University, Canada
44. University of Calgary, Canada
45. Dalhousie University, Canada
46. Australian National University, Australia
47. University of Sydney, Australia
48. University of Melbourne, Australia
49. University of Queensland, Australia
50. University of New South Wales, Australia
51. Monash University, Australia
52. University of Western Australia, Australia
53. University of Adelaide, Australia
54. Macquarie University, Australia
55. The University of Auckland, New Zealand
56. University of Otago, New Zealand
57. University of Canterbury, New Zealand
58. Peking University, China
59. Tsinghua University, China
60. Fudan University, China
61. Nanjing University, China
62. Shanghai Jiao Tong University, China
63. University of Hong Kong, Hong Kong
64. Hong Kong University of Science and Technology, Hong Kong
65. The Chinese University of Hong Kong, Hong Kong
66. City University of Hong Kong, Hong Kong
67. National Taiwan University, Taiwan
68. National University of Singapore, Singapore
69. Nanyang Technology University, Singapore
70. University of Tokyo, Japan
71. Kyoto University, Japan
72. Osaka University, Japan
73. Tokyo Institute of Technology, Japan
74. Tohoku University, Japan
75. Nagoya University, Japan
76. Kyushu University, Japan
77. Hokkaido University, Japan
78. Waseda University, Japan
79. Kobe University, Japan
80. Seoul National University, South Korea
81. Korea Advanced Institute of Science and Technology, South Korea
82. Pohang University of Science and Technology, South Korea